

## AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 12 BILANGAN 33 RABU 16 OGOS, 1967. 1387 رابو 10 جمادى الاول PERCHUMA

### D.Y.M.M. rasmikan seminar bagi Pegawai2 dan Guru2 Ugama

BANDAR BRUNEI — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan pada hari Ahad lepas telah merasmikan pembukaan seminar Pegawai2 dan Guru2 Ugama di-sekolah Menengah Arab Hassanal Bolkiah, Bandar Brunei.

Seminar yang di-hadiri oleh kira2 600 orang guru Ugama termasuk kira2 200 orang guru perempuan ada-lah merupakan yang keenam yang pernah di-anjorkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama. Seminar itu telah berakhir kelmarin.

Dalam titah ucapan perasmian itu, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan menegaskan, bahawa tujuan diadakan kursus itu ialah untuk memperbaiki dan memajukan pentadbiran dan perjalanan Jabatan Hal Ehwal Ugama serta mengembangkan agama Islam di-negeri ini.

Baginda telah melahirkan harapan bahawa para peserta kursus itu akan dapat menyumbangkan buah2 fikiran yang berguna dan membena terhadap bidang pentadbiran dan usaha2 kegiatan Jabatan Hal Ehwal Ugama bagi faedah negara Brunei Darus-salam.

Baginda bertitah, pegawai2 dan guru2 ugama mempunyai tanggung jawab yang tinggi dalam masyarakat di-negeri ini. Sa-terus-nya Baginda menggesa para peserta supaya meneruskan pelajaran mereka untuk meninggikan lagi ilmu pengetahuan masing2 dari semasa ka-semasa dengan tidak merasakan chukop dan puas hati dengan ilmu pengetahuan mereka pada masa ini.

Pembukaan rasmi kursus itu telah di-hadiri oleh antara lain Yang Teramat Mulia Seri Pa-



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan ketika bertitah dalam majlis pembukaan Kursus Guru2 dan Pegawai2 Ugama yang di-langsungkan pada hari Ahad lepas.

duka Duli Pengiran Bendahara, pemangku Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim dan Yang Teramat Mulia Dul; Pengiran Muda Mohamed Bolkiah.

*Ibu Pejabat yang baru bagi DBP dan SRP hampir siap*

BANDAR BRUNEI — Ibu Pejabat baru bagi Dewan Bahasa dan Pustaka dan Jabatan Penyiaran dan Penerangan Brunei, hampir selesai pembenaan-nya.

Kedua2 buah bangunan tersebut di-anggarkan menelan belanja tiga juta ringgit.

Bangunan yang enam tingkat akan di-gunakan oleh Jabatan Penyiaran dan Penerangan, sementara sa-buah lagi lima tingkat akan di-gunakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sa-lain dari mempunyai pejabat biasa, bangunan Jabatan Penyiaran dan Penerangan, akan mempunyai sa-buah bilek studio musik yang besar, sa-buah bilek drama, tiga buah studio pemancar dan bilek menyunting dan dubbing, serta sa-buah bilek pengawalan utama yang besar.

Bangunan Jabatan Penyiaran dan Penerangan juga akan mempunyai sa-buah auditorium yang lengkap, yang boleh menampung lebih dari 500 orang. Ia-nya juga akan di-lengkapkan dengan alat2 projector untuk tayangan film2 jenis 16 dan 35 milimeter.

Bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka, akan di-lengkapkan dengan beberapa buah perpustakaan, yang merupakan perpustakaan orang ramai, perpustakaan bagi kanak2 sekolah permulaan, rendah menengah, serta sa-buah bilek bacaan.

Dangunan tersebut juga akan mempunyai sa-buah perpustakaan buku2 rujo' dan sa-buah bilek penyelidekkan dan beberapa buah bilek untuk penterjemah, penyunting, pe-

### Seminar Kesihatan bagi guru2 sekolah Melayu

BANDAR BRUNEI — Satu Seminar Pelajaran Kesihatan bagi Guru2 Sekolah Melayu telah di-adakan di-Sekolah Melayu Pesar Ulak, Bandar Brunei hari Isnin lepas.

Seminar itu merupakan siri pertama, anjoran Jabatan Perubatan telah di-hadiri oleh 60 orang guru dari sekolah2 Melayu dalam kawasan Brunei dan Muara.

Ketika merasmikan pembukaan-nya. Pengarah Perkhidmatan Perubatan, Dato Dr. P.

I. Franks berkata, seminar ini bertujuan untuk menyampaikan asas2 amalan kesihatan yang sihat kepada kanak2 melalui guru2 mereka.

Kata-nya, tidak ada tempat yang lebih sesuai bagi kanak2 mempelajari chara2 hidup dengan sempurna, sa-lain dari dibangku sekolah, dan tidak ada pengajar lebih chekap, sa-lain dari sa-orang guru yang benar2 memahami asas2 tersebut.

Dato Franks berkata, beliau berharap seminar itu akan dapat membantu guru2 memikul

tanggung jawab ini terhadap murid2 mereka.

Beliau memberikan jaminan kepada guru2 bahawa jika sa-kira-nya mereka memerlukan perkhidmatan atau panduan salanjut-nya, jabatan perubatan sedia membantu mereka dalam usaha menolong kanak2 supaya menjadi warga negara yang lebih baik dan lebih sihat. Seminar yang berjalan sa-lama satu hari telah berakhir di-sa-belah petang.

Di-sepanjang hari itu shara-

(Lihat muka 8)

(Lihat muka 8)



Gambar atas menunjukkan di-antara yang di-anugerahkan Bintang2 Kebesaran dan Pingat2 oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dalam minggu lalu. Dari kiri ia-lah Awang Johari bin Abdul Razak, Pegawai Daerah Temburong yang di-anugerahkan Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Laila Berjasa — Darjah Ke-tiga (S.L.J.); di-tengah2, Awang C. T. Miller, Penolong Pesuruhjaya Polis yang di-anugerahkan Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Mulia — Darjah Ke-tiga (S.N.B.); dan di-kanan Pengiran Haji Mokhtar Puteh bin Pengiran Haji Rajid, Pegawai Penyiaran dan Penerangan yang di-anugerahkan Pingat Kerja Lama.

## Bekalan letrik untuk rumah2 di-Kg. Ayer

**BANDAR BRUNEI** — Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Ali bin Awang Besar berkata, bahawa rumah2 di-Kampong Ayer akan di-bekalkan dengan tenaga letrik tidak lama lagi.

Pegawai Daerah itu sa-laku Pengerusi Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara berkata demikian sa-bagai menjawab satu soalan yang di-kemukakan oleh Haji Awang Tengah bin Hashim dalam sidang majlis mashuarat itu baru2 ini.

Awang Ali berkata, ranchangan untuk membekalkan Kampong Ayer dengan tenaga letrik telah di-ketepikan buat sementara waktu kerana kesulit-an 2 teknikal. "Tetapi pada akhir-nya semua rumah2 di-Kampong Ayer akan mempunyai bekalan tenaga letrik", tegas beliau.

Menyentuh tentang usaha meluaskan perbekalan letrik ka-Kampong Bendahara Lama dan Tamoi Ujong, Awang Ali berkata, perkara itu telah di-rujukkan kepada Ketua Juru-tera Letrik yang pada masa ini sedang menimbangkan perkara tersebut.

Kapada satu lagi soalan Haji Awang Tengah, Pegawai Daerah itu menjelaskan bahawa Jabatan Perikanan sedang menimbangkan langkah memberikan latehan kepada nelayan2 dalam bidang chara2 menangkap ikan sa-chara moden.

Pg. Mohd bin Pg. Lahab yang memajukan soalan mengenai meluaskan perkhidmat-an talipon ka-Kg. Ayer telah di-beritahu bahawa pada masa ini tidak ada ranchangan sa-rupa itu bagi kg. tersebut.

## Qari dan Qariah di-antara 60 orang guru2 Pelatih Ugama yang lulus peperiksaan kelayakan

**BANDAR BRUNEI**—Sa-ramai 60 dari jumlah 69 orang Guru2 pelatih yang mengajar di-Sekolah2 Ugama Negeri Brunei telah lulus dalam peperiksaan untuk melayakkan mereka menjadi Guru2 Ugama Tiada Terlateh.

Peperiksaan tersebut telah di-adakan pada 7 dan 8 Julai, 1967. Mereka yang lulus dalam peperiksaan itu termasuk-lah Qari dan Qariah Awang Damit bin Haji Kawang dan Dayang Damit bte. Md. Yusof. Nama2 mereka yang lulus itu ia-lah:

Awg. Suhainj Abang, Awg. Haji Ishak Haji Matrais, Awg. Rajali Tujoh, Dyg. Miri Tejudin, Awg. Wasli Haji Abu Bakar, Sharifah Fatimah Wan Taha, Ak. Omar Pg. Ahmad, Awg. Mohammad Lamit, Dyg. Siti Haji Misir, Dyg. Afsah Abd. Rahman.

Awg. Saini Md. Yusof, Dyg. Norsiah Daud, Dyg. Nekmah Ismail, Dyg. Rupiah Hus-sain, Dyg. Norah Haji Md. Noor, Awg. Abdul Ghafar Haji Makmor, Dyg. Jainah Sulaiman, Ag. Ahmad Haji Abu Bakar, Dk. Zainab Pg. Ja'afar, Dyg. Rukiah Lamat.

Dyg. Zainon Haji Omar Ali, Ak. Md. Kassim Pg. Md. Salleh, Dyg. Hasnah Sundu, Dyg. Ramlah Abdul Rahman, Awg. Abdullah Basir, Dyg. Damit Md. Yusof, Hajjah Siti Hawa Haji Abu Bakar, Dyg.

Fatimah Taha, Dyg. Jaliah Haji Md. Yassin, Awg. Ma'aruf Ibrahim.

Dyg. Amnah Abdul Hamid, Dyg. Norhani Haji Abd. Kadir, Awg. Damit Haji Kawang, Awg. Zaini Hashim, Dyg. Azizah Ahmad, Dyg. Habibah Md. Daud, Dyg. Maimunah Ibrahim, Dyg. Kula Md. Tahir, Ag. Salleh Haji Murah, Hajjah Sa'adiyah Haji Manggol.

Dk. Siti Khadzizah Pg. Hussein, Ag. Metussin Haji Metali, Ag. Serbini Khatib Juned, Ak.

Merali Pg. Ismail, Dyg. Hamidah Awang Angkat, Dyg. Halimah Muntill, Dyg. Norsiah Ahmad, Dyg. Hasnah Ahmad, Dyg. Fatimah Ibrahim, Dk. Zainab Pg. Ali Omar.

Dyg. Siti Hawa Bakri, Dyg. Jamilah Buntar, Dyg. Rahimah Abdullah, Awg. Md. Taib Yahya, Sharifah Khadzizah Syed Abdul Rahman, Dyg. Nasdiah Hj. Tengah, Dyg. Siti Aminah Haji Mohiddin, Dyg. Janis Adis, Dyg. Fatimah Pakar dan Awg. Zaini Simpol.

## Bendera2 hendak-lah di-kibarkan

**BANDAR BRUNEI** — Pengetua Pegawai Adat Istiadat meminta supaya bendera2 di-kibarkan kerana menghormati hari perkahwinan Di-Raja di-antara Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Nor'ain dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Mohamed Yusof.

Bendera Negeri Brunei hendak-lah di-kibarkan oleh raayat dan bukan raayat Brunei yang tinggal di-negeri ini.

Pengiran2 dan Pehin2 hendak-lah juga mengibarkan bendera2 peribadi masing2.

Bendera hendak-lah di-kibarkan terus di-bangunan dan tempat2 kedaiman sa-lama dua minggu mulia 12 Ogos.

## PENYUSUNAN LALU LINTAS KERANA KERAMAIAN

**BANDAR BRUNEI** — Dua penyusunan khas bagi lalu lintas telah di-lancarkan untuk membolehkan orang ramai menikmati sa-penoh-nya pesat2 sambutan yang berlangsung di-Padang Besar, Bandar Brunei.

Jalan Pemancha, Jalan Roberts, Jalan Chevalier dan Jalan Sultan di-sabelah Padang Besar akan di-tutup kepada lalu lintas pada sa-belah malam.

Jalan Sultan yang berham-

piran dengan Dewan Kema-sharakatan akan merupakan jalan sa-hala mulai dari pukul 7-00 malam hingga tengah malam.

### NASIHAT

OCPD Brunei Awang V. E. Pike menasihatkan pemandu2 kereta supaya melpatgandakan kewaspadaan mereka ketika menghampiri isharat lalu lintas kerana isharat2 itu mungkin tidak dapat di-lihat oleh pintu2

gerbang yang mengalu2kan Perkahwinan Di-Raja.

Di-sabelah malam, penarohan kereta tidak di-benarkan dihadapan bangunan Pejabat Setia Usaha Kerajaan.

Awang Pike menasihatkan juga orang2 yang berjalan kaki supaya berhati2 dari kenderaan2 dan hendak-lah menggunakan jalan2 kechil di-tepi jalan dan bukan berjalan di-jalan2 raya dalam kawasan Bandar Brunei.

# Istiadat Berbedak bagi Puteri Di-Raja

## D.Y.M.M. AL-SUTAN DAHULUI ISTIADAT MENCHULIKI BEDAK

**BANDAR BRUNEI** — Istiadat Berbedak Di-Raja kepada Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Nor'ain telah dilangsungkan di-Istana Darul Hana pada hari Rabu lepas.

Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Nor'ain telah di-iringi ka-Balai Singgahsana oleh Isteri2 Pembesar Negara di-ketuai oleh isteri ketua cheteria, Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar.

Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Nor'ain akan melangsungkan perkahwinan dengan sepupu-nya Yang Amat Mulia Pengiran Anak Mohamed Yusof pada 18 Ogos.

Istiadat itu di-mulakan dengan ketibaan pembesar2 negara dan isteri2 mereka di-Balai Singgahsana di-ikuti oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkihah, Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British, Awang F. D. Webber serta Duli2 Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dan Raja Isteri.

Tembakan merima sa-banyak 17 das menandakan bermula-nya isti'adat berbedak itu.

Istiadat menchuliki Bedak Di-Raja itu di-mulakan dengan di-dahului oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda di-ikuti pula oleh D.Y.M.M. Raja Isteri yang telah menchuliki Bedak Di-Raja kepada puteri Baginda.



Gambar atas kiri: Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan sedang menchuliki bedak kepada puteri Baginda, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Pu-

teri Nor'ain di-istiada Berbedak Di-Raja dan di-ikuti oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Isteri. Gambar bawah: Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Pu-

teri Nor'ain sedang di-iringi ka-Balai Singgahsana oleh isteri2 pembesar negara yang di-ketuai oleh isteri Ketua Cheteria, Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar.



Gambar atas: Sa-bahagian daripada pembesar2 negara yang telah hadir di-istiadat tersebut.

## POSTER2 BENTOK WANG SHILING

**BANDAR BRUNEI**—Lemba-ga Mata Wang Brunei telah menchetak poster2 untuk mengumomkan penerbitan wang2 shiling baru Brunei pada 22 Ogos.

Poster2 dalam bahasa Melayu, Inggeris dan China telah di-sibar-kan oleh Jabatan Penyiaran dan Penerangan, serta badan2 penyibar-an kerajaan yang lain-nya.

Keratan2 gambar yang sa-wajar-nya telah juga di-bekalkan kepada panggong2 wayang di-seluruh negeri untuk membiasakan orang ramai dengan bentuk rupa wang2 shiling baru itu.

Wang2 shiling baru itu berharga satu sen, lima sen, 10 sen, 20 sen dan 50 sen.

Ia-nya juga akan di-terima baik di-Malaysia dan Singapura sa-rupa dengan wang2 kertas baru negeri ini.

16 Ogos, 1967.

## Perbendaharaan Kebudayaan

KEAGONGAN dan kebesaran 'Adat Istiadat Brunei yang telah memainkan peranan penting dalam istiadat Di-Raja sejak zaman berzaman telah menyemarakkan sa-tiap gerak dan langkah dalam sambutan susunan 'Adat Istiadat Perkahwinan Di-Raja yang sedang di-laksanakan sekarang ini.

Keagongan Adat Istiadat Di-Raja yang di-pesakai turun temurun ini telah dapat di-saksikan sejak 31 Julai yang lalu apabila Istiadat Pembukaan Gendang Jaga-jaga Di-Raja telah berlangsung di-Balai Pemandangan Indera Kenchana, Istana Darul Hana.


Dari sejak itu berlangsung-lah dengan megah-nya istiadat demi istiadat yang penuh dengan keaslian-nya dan menilek kepada istiadat yang selaras dengan adat kebudayaan Brunei asli itu telah banyak orang merasakan kekaguman-nya lebeh2 lagi orang2 yang bukan Melayu. Dari istiadat2 yang di-timbulkan dari perbendaharaan Istana Darul Hana itu terasa oleh kita betapa megah dan betapa agong-nya Kebudayaan yang dipamerkan melalui Adat Istiadat Di-Raja itu.

Mulai dari sa'at perkahwinan Di-Raja di-antara Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Mahkota dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Saleha, maka timbul satu perasaan kemegahan di-kalangan peminat2 kebudayaan asli dan mereka amat yakin bahawa Brunei bukan senang di-masuki oleh anasir2 kebudayaan kuning. Sunggohpun bagitu kebudayaan2 yang di-sifatkan tidak selaras dengan suasana penghidupan kita memang chepat merebak terutama di-kalangan pemuda pemudi kita dan hal ini nampak-nya tidaklah mempunyai pengaruh yang begitu besar. Beliau2 tempatan harus-lah mempunyai kesedaran yang penuh dan bertanggung-jawab dalam mengukuhkan kebudayaan asli kita dan jangan nanti kita di-katakan sa-bagai "petulang kebudayaan".

Rancangan Istiadat Perkahwinan Di-Raja ini ada-lah menurut istiadat Di-Raja Brunei yang turun temurun. Sunggoh pun ada beberapa tambahan kerana menurut peredaran zaman dan suasana baru dalam istiadat itu, tetapi tradisi "adat istiadat lama yang turun temurun sejak dahulu kala, tetap berdiri di-dalam-nya ia-itu 'Adat dan Kebudayaan Brunei Asli yang menjadi teras kebudayaan kita yang sentiasa kita banggakan dalam perkembangannya di-zaman yang serba moden ini.

"Semoga dengan memperlihat-kan adat2 yang berchorak asli itu akan memberi kesedaran kepada keturunan Brunei hari ini dan masa hadapan atas kebesaran kebudayaan kita dan dengan itu semangat r'ayat akan semakin subur dengan indah-nya di-antara perkembangan lain2 kebudayaan dalam taman masyarakat yang luas dan lapang."

## ISTIADAT BERBEDAK DI-RAJA BAGI PENGANTIN LELAKI



### Bangunan pemeriksaan Kastam di-bena di-perbatasan Brunei/Sarawak

**KUALA BELAIT** — Sa-buah bangunan pemeriksaan Kastam yang baru sedang mula di-bena dekat perbatasan antara Brunei dengan Sarawak kira2 sa-paroh jalan di-antara Kuala Belait dan sungai Baram.

Bangunan itu akan merupakan bangunan baru kastam di-kawasan perbatasan, yang akan menggantikan steshen kastam sekarang yang terletak di-sa-belah Kuala Belait dari tebing sungai Belait.

Penguasa Pengawasan Kastam Awang Osman Chua berkata kerja2 pembenaan ka-atas bangunan baru itu telah pun di-mulakan dan di-janga siap menjelang awal tahun hadapan.

Steshen baru itu di-ran-changkan sebgaitu rupa untuk memberikan kesenangan sa-penoh-nya kepada orang ramai yang berulang alek di-kawasan itu. Jalan masuk dan keluar yang berasingan akan di-adakan bagi pengembara2 yang masuk dan keluar di-steshen baru itu. Turut di-adakan juga ia-lah bangsal2 yang berasingan bagi pemeriksaan barang2

muatan.

Kemudahan2 ini tidak di-dapati di-steshen Kuala Belait.

Awang Osman berkata, pembenaan bangunan baru itu adalah sangat2 mustahak memandang kepada bertambah-nya jumlah lalu lintas dan pengembara2 di-antara kawasan di-tebing yang berhadapan dengan sungai Belait dengan kawasan sempadan.

Apabila steshen baru itu di-gunakan kelak, bangunan yang ada di-Kuala Belait sekarang akan di-runtohkan atau pun di-gunakan untuk lain2 perkara.

**BANDAR BRUNEI** — Istiadat Berbedak Di-Raja bagi bakal pengantin lelaki Yang Amat Mulia Pengiran Anak Mohamad Yusof telah di-adakan di-rumah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha pada malam 13 Ogos lepas.

Yang Amat Mulia Pengiran Anak Mohamad Yusof ia-lah putera sulung kepada Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha dan Pengiran Bini. Yang Amat Mulia akan melangsungkan perkahwinan dengan sepupunya Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Nor'ain pada 18 Ogos.

Istiadat tersebut telah di-mulakan sa-jurus sa-lepas keberangkatan tiba Duli2 Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dan Raja Isteri.

Bakal pengantin lelaki berangkat menuju ka-majlis dengan di-iringi oleh pegawai2 yang membawa alat2 kebesaran Di-Raja yang terdiri dari 8 tombak, 8 pedang dan 20 sinipit.

Istiadat Berbedak Di-Raja telah di-mulakan dengan di-dahului oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan menchuliki Bedak Di-Raja kepada Yang Amat Mulia Pengiran Anak Mohamad Yusof, di-ikuti oleh tembakan meriam sa-banyak 9 das.

Gambar2 di-atas menunjukkan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan sedang menchuliki bedak ka-atas Yang Amat Mulia Pengiran Anak Mohamad Yusof dan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha ayahanda Yang Amat Mulia Pengiran Anak Mohamad Yusof menchuliki bedak ka-atas anakanda-nya dalam istiadat berbedak Di-Raja.

# ISTIADAT TURUN TEMURUN YANG DI-PUSAKAI DALAM PERKAHWINAN DI-RAJA

LUSA, HARI JUMAAT 18 Ogos, 1967 bersamaan dengan 12 Jamadil Awal, 1387 pada saat petang-nya akan berlangsung-lah saat dan ketika yang di-nanti2kan oleh raayat untok sama2 menyaksikan berlangsung-nya perkahwinan DI-RAJA di-antara PUTERI YANG KE-DUA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Isteri dan dengan PUTERA SULONG kepada Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha Muda Haji Mohammad Alam dan Yang Teramat Mulia Pengiran Bini.

Dua tahun yang lalu ia-itu pada 29 Julai, 1965 bersamaan dengan 30 Rab'el Awal, 1385 hari-nya HARI KHAMIS. Itu-lah saat permulaan raayat telah dapat menyaksikan dan sama2 bersuka ria sambil memahami bagaimana tinggi-nya nilai Adat Istiadat Di-Raja Brunei ketika berlangsung istiadat perkahwinan di-antara Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiaah, Putera sulong Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dengan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Isteri dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Saleha Puteri Kapada Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha Muda Haji Mohammad Alam dan Yang Teramat Mulia Pengiran Bini.

Ketika itu dalam buku ranchangan istiadat perkahwinan Di-Raja itu telah di-perkenalkan bermacham2 alat2 kebesaran Di-Raja Brunei dari Tumbak Tunggal dan Pedang Tunggal-nya hingga kepada PANGGAU PERADUAN yang di-tetapkan di-BILEK PENGANGUNAN DI-RAJA.

## NILAI

Di-samping itu, majlis2 Adat Istiadat yang mempunyai nilai yang amat tinggi satu demi satu di-langsungkan dari Istiadat Meminang, Hantaran Tanda Di-Raja hingga kepada Istiadat Muleh Tiga Hari. Hadhirin amat takjub menyaksikan bagaimana Adat Istiadat Di-Raja Brunei begitu kukuh dan amat harmoni.

Hanya selang dua bulan saja dari tarikh perkahwinan Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Mahkota itu, maka berlangsung lagi istiadat perkahwinan Di-Raja.

19 September, 1965 bersamaan dengan 23 Jamadil Awal, 1385 hari-nya HARI AHAD, maka berlangsung-lah perkahwinan Di-Raja antara PUTERI SULONG Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna dengan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Rahman, putera kepada Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara dan Pengiran Isteri.

Ketika istiadat perkahwinan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna ini dalam buku ranchangan telah di-perkenalkan pula alat2 perkahwinan Di-Raja yang di-gunakan bagi sa-orang puteri Raja.

Maka ternampak alat2 yang dipakai oleh sa-orang puteri ketika hendak memasoki ka-gerbang perkahwinan. Alat2 itu dari Gelang



Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Nor'ain.



Yang Amat Mulia Pengiran Anak Mohamad Yusof.

Pengaluan yang tinggi bertingkat dan gelang Gerunchong yang satu-satu, panging kanching, ayam-ayam bernaga, Bunga Goyang, Bunga Melor Karang Tembusa, Tiara Emas Yang Betatarkan Berlian hingga kepada Bunga Tangan.

Maka sekali lagi para tetamu di-sugokkan dan di-pertontonkan bagaimana indah bersemarak dan bagaimana agong-nya Adat Istiadat Di-Raja Brunei yang tak retak dik panas dan tak lapok dik hujan.

Di-sini tidak pula di-sebutkan bagaimana sambutan raayat terhadap kedua2 perkahwinan Di-Raja yang telah selamat sempurna di-jalankan itu, hanya-lah chukup sakadar di-katakan bahawa raayat sama2 bersuka-ria, sama2 bertemaha yang pada malam-nya di-simbahi chahaya lampu2 yang berwarna warni dan pada siang-nya mata tertumpu pada perhiasan2 yang menarek yang di-olah begitu rupa di-gedong2 dan di-toko2 di-Bandar Brunei.

Dan sekarang, musim perkahwinan Di-Raja bersambung lagi dan suasana kegembiraan berulang samula. Seluruh raayat sama2 bergembira dan Padang Besar serta pekarangan Istana Darul Hana di-banjiri oleh manusia untok menyaksikan temasha sa-belah malam kerana meraikan perkahwinan Di-Raja.

Kedua2 bakal mempelai Di-Raja yang akan melangsungkan Istiadat Bersanding pada 18 Ogos, 1967 ini mempunyai banyak persamaan-nya terutama dalam bidang kegemaran dan pembawaan masing2.

## SEJARAH RENGKAS

Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Nor'ain ia-lah Puteri Yang Ke-Dua kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Damit.

Sementara Yang Amat Mulia Pengiran Anak Mohammad Yusof ia-lah Putera sulong kepada Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha Muda Haji Mohammad Alam dan Yang

Teramat Mulia Pengiran Bini.

Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Nor'ain di-lahirkan di-Istana Darussalam, Kampong Sumbiling Brunei pada 19 Mei, 1950 dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Mohammad Yusof juga di-lahirkan di-Kampong Sumbiling pada 24 Jun, 1948.

Di-lapangan pelajaran pula, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Nor'ain belajar Bahasa Inggeris, Melayu dan Pelajaran2 Ugama di-Sekolah Private di-Lapau Di-Raja, Istana Darul Hana yang kemudian-nya menjadi sa-orang penuntut di-Sekolah Tinggi perempuan Raja Isteri.

Sekarang Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Nor'ain sedang melanjutkan pelajaran-nya di-England.

## SEGI PELAJARAN

Yang Amat Mulia Pengiran Anak Mohammad Yusof pula mendapat didekan di-Sekolah Inggeris Gurney School Kuala Lumpur, kemudian balek ka-Brunei dan melanjutkan pelajaran-nya di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei. Pengiran Anak Mohammad Yusof balek sa-mula ka-Kuala Lumpur untok meneruskan pelajaran-nya di-Victoria Institute. Pada masa ini sedang melanjutkan pelajaran-nya di-England.

Dalam kechenderongan pula, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Nor'ain ada-lah chenderong dan chergas dalam hal2 kebajikan sa-lain dari tekun menghadapi pelajaran-nya dan suka melakukan kerja2 urusan rumah tangga dengan sukarela sunggoh pun telah di-sediakan khas Dayang2 dan Pengasoh-nya di-Istana.

Yang Teramat Mulia sentiasa menunjokkan senyum manis-nya kepada orang yang menemui-nya, sama ada orang2 itu di-kenali-nya atau orang2 baharu berkenalan dengan-nya.

Dari ramah tamah dan tegor sapa-nya kepada segala peringkat dan sopan santun kepada peringkat tua dan orang2 yang di-pandang lebeh tua daripada-nya, menyebab-

kan Yang Teramat Mulia itu di-kasehi oleh raayat dan keluarga Di-Raja.

Yang Amat Mulia Pengiran Anak Mohammad Yusof pula, chenderong dan chergas dalam hal2 kebajikan sa-lain tekun menghadapi pelajaran. Yang Amat Mulia ini juga bersifat peramah dan sopan santun, lebeh2 lagi terhadap orang2 tua dan orang2 yang dipandang lebeh tua dari umur-nya. Ini juga menyebabkan Yang Amat Mulia itu amat di-sukai oleh orang ramai dan keluarga-nya.

Ketika mengisikan masa lapang, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Nor'ain suka memandu kereta-nya sendiri, bersiar2 di-kawasan Istana atau berkeliling Bandar Brunei atau ka-lain daerah. Yang Teramat Mulia ia-lah salah sa-orang puteri Di-Raja yang chergas di-lapangan sokan. Yang Teramat Mulia pernah juga melawat keluar negeri seperti ka-Malaysia dan ka-Eropah.

Yang Amat Mulia Pengiran Anak Mohammad Yusof memupakan masa lapang-nya banyak sekali ka-lapangan sukan seperti bermain badminton, sepak raga, bola sepak. Yang Amat Mulia juga gemar memandu kereta.

## TERADISI

"Ranchangan Istiadat Perkahwinan Di-Raja ini ada-lah menurut Istiadat Di-Raja Brunei yang turun temurun, sunggoh pun ada beberapa tambahan kerana menurut peredaran zaman dan suasana baharu dalam Istiadat Di-Raja ini. Tetapi teradisi Adat Istiadat lama yang turun temurun sejak dahulu kala tetap berdiri di-dalam-nya ia-itu "Adat dan Kebudayaan Brunei Asli" yang menjadi teras kebudayaan kita yang sentiasa kita banggakan dalam perkembangan-nya di-zaman yang serba moden ini".

Semoga dengan menimbulkan adat2 lama yang berchorak asli itu akan memberi kesedaran kepada keturunan Brunei hari ini dan masa hadapan atas kebesaran kebudayaan kita di-masa yang silam. Dengan itu semangat raayat akan

(Lihat muka 8)

# Jawatan-Jawatan kosong

## Di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput daripada ra'ayat DYMM Al-Sultan atau yang berhak di-daftarkan sa-bagai ra'ayat DYMM Al-Sultan yang beragama Islam bagi memenuhkan jawatan2 kosong di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei, seperti yang berikut di-bawah ini:—

(a) SA-BAGAI FARDHU  
KEPAYAH (Perempuan)  
(3 jawatan kosong).

### GAJI:

Dalam sukatan gaji \$200x10 - 230 sa-bulan.

### KELAYAKAN2 DAN PENGALAMAN:

- (i) Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 25 hingga 50 tahun.
- (ii) Mesti-lah mengetahui Hal Ehwal Ugama Islam dan Rukun2 Ugama Islam, terutama sekali pengetahuan memchuchi mayat.
- (iii) Satu peperiksaan sa-chara soal mulut akan di-adakan di-masa temu duga.

Pemohon2 yang berjaya mesti-lah bersedia di-tempatkan di-sebarang daerah dalam negeri ini.

Pemohonan2 yang di-fikirkan berkelayakan, tetapi berumur lebeh dari yang di-sharatakan boleh jadi akan di-lantek dengan sa-chara sa-bulan ka-sebulan.

(b) SA-BAGAI PEGAWAI  
KUBAH MAKAM.  
(2 jawatan kosong).

### GAJI:

Dalam sukatan gaji \$200x10 - 400 sa-bulan.

### KELAYAKAN2 DAN PENGALAMAN:

- (i) Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 25 hingga 50 tahun.
- (ii) Mesti-lah mengetahui serba sedikit ilmu pengetahuan dalam Hal Ehwal Ugama Islam umpama-nya membaca Kitab Suchi Al-Quran, do'a2 tahlil dan yang lain2 lagi.
- (iii) Satu peperiksaan sa-chara soal mulut akan di-adakan di-masa temu duga.

Pemohonan2 yang di-fikirkan berkelayakan, tetapi berumur lebeh daripada yang di-sharatakan boleh jadi akan di-lantek dengan sa-chara sa-bulan ka-sebulan.

(c) SA-BAGAI PENDAFTAR  
SEKOLAH2 MENE-  
NGAH (1 jawatan kosong).

### GAJI:

Dalam sukatan gaji \$600x30 - 900 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

- (i) Pemohon2 mesti-lah lulus Darjah V Sekolah Melayu dan Darjah V Sekolah Ugama serta Form II Inggeris.
- (ii) Mempunyai pengalaman dalam bidang pentadbiran sekolah2 dan mesti-lah lulus dalam latehan perguruan.
- (iii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan Brunei tidak kurang dari 10 tahun.
- (iv) Keutamaan akan di-beri kepada orang2 yang berpengalaman dalam ilmu mengajar.

(d) SA-BAGAI JAGA  
(2 jawatan kosong).

### GAJI:

Dalam sukatan gaji \$160x5 - 175 sa-bulan.

### KELAYAKAN2:

- (i) Mesti-lah berumur di-antara 25 hingga 60 tahun; dan
- (ii) Tahu menulis dan membaca.

Semua permohonan2 daripada Pegawai2 dalam perkhidmatan Kerajaan mesti-lah di-hantar melalui Ketua Pejabat masing2 siapa dikehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama dengan satu chateton perkhidmatan yang lengkap.

Pemohon2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat daripada 27 Ogos, 1967.

## SAMBUTAN HARI KEPUTERAAN DULI YANG MAHA MULIA DI-BELAIT

**KUALA BELAIT** — Pegawai Daerah Belait Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail telah di-lantek menjadi pengerusi Jawatankuasa Sambutan Perayaan2 Daerah Belait untuk merencanakan pesta2 sambutan kerana merayakan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan yang ka-51.

Hari Keputeraan Baginda, jatuh pada 23 September.

Jawatankuasa yang telah dibentuk pada minggu lalu, memutuskan bahawa pesta2 sambutan akan berjalan sa-lama lima hari mulai 26 September.

Satu keistimewaan dalam perayaan2 di-daerah Belait dalam tahun ini ia-lah satu pertunjukan pertanian di-mana peladang2 dari daerah itu akan

## Sa-bagai Penyelenggara Setor

### di-Jabatan Letrik

PERMOHONAN2 ada-lah dipelawa untuk memenohi satu jawatan sa-bagai Penyelenggara Setor Tingkat I di-Jabatan Letrik, Brunei.

### KELAYAKAN2 DAN

#### PENGALAMAN:

Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 25 dan 35 tahun serta mempunyai pengalaman bekerja selama 3 tahun dalam setor letrik yang besar. Mereka2 mesti-lah mahir dalam peraturan2 setor, nama2 barang, mengambil setok, menyimpan kira2, dll. Kebolehan menaip ada-lah perlu

### GAJI:

Dalam sukatan gaji D.4 - \$500x20 - 620 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

### SHARAT2 LANTEKAN:

Chalon2 yang berjaya yang bukan ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan akan di-lantek sa-chara berkotrek sa-lama 3 tahun termasuk masa perchubaan sa-lama 6 bulan. Chalon yang berjaya yang menjadi

ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan atau berhak di-daftarkan sademikian akan di-beri jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaan.

### BAKSIS:

Bagi chalon yang di-lantek sa-chara berkotrek baksis sa-banyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

### CHUKAI PENDAPATAN:

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Butir2 mengenai syarat2 perkhidmatan boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan Brunei.

Pemohon2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendaklah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 23 Ogos, 1967.

## KURSUS PERTANIAN SA-MINGGU BAGI PELADANG2 KG. KELUYOH

**KUALA BELAIT** — Satu rombongan jurulatih dari jabatan pertanian telah melawat Kampong Kelayoh dalam daerah Belait pada hari Isnin yang lalu untuk memulakan satu kursus sa-lama sa-minggu bagi peladang2 di-kawasan itu.

Rombongan itu di-ketuai oleh Penolong Pegawai Pertanian Awang W. C. Agne, akan terdiri dari pembantu2 pertanian dari Bandar Brunei dan Belait yang akan bertugas sa-bagai jurulatih dan pensharah.

Sa-panjang minggu itu, rom-

bongan tersebut telah memberikan tunjuk ajar sa-chara praktikal mengenai aspek2 seperti menanam padi dan memelihara ikan, memternak ayam, membiakkan tanam2an, menchegeh penyakit serta chara2 menggunakan baja.

Mereka akan juga memberikan sharahan2 mengenai perkara2 seperti penyakit2 ternakan, penanaman getah, memelihara kambing, dan menanam pisang.

Rombongan jabatan pertanian itu akan juga membuat shor2 mengenai chara2 untuk memperbaiki keadaan hidup di-kampung2. Mereka lakukan demikian dengan melawat kawasan2 tanaman peladang2 dan menunjukkan kaedah2 praktikal tentang chara2 memelihara tanam2an dan tumboh2an.

*Gunakanlah Bahasa  
Melayu*

## TEMASHA SOKAN BORNEO DI-SERIA PERKHIDMATAN MASHARAKAT TERIMA \$1,380

SERIA—Majlis Perkhidmatan Masyarakat Daerah Belait mengumumkan penerimaan wang sa-jumlah \$1,380.00 dari Persatuan Ahli2 Sokan Amateur Negeri Brunei hasil dari penggunaan Gelanggang Sokan Seria sa-panjang Temasha Sokan Borneo baru2 ini.

Jumlah tersebut sa-nilai dengan 30 peratus dari jumlah bayaran masuk yang di-kutip kerana menyaksikan pertandingan sokan sa-lama dua hari

yang telah di-adakan pada 14 dan 15 Julai.

Gelanggang Sokan itu diselenggarakan oleh Majlis tersebut dan bayaran2 kecil dikenakan kerana penggunaan-nya oleh badan2 sokan.

### MENJALANI LATEHAN

Sa-orang juruchapak Majlis itu berkata, Gelanggang Sokan itu sekarang di-gunakan oleh beberapa orang ahli sokan sendirian kerana latehan untuk

memperbaiki mutu dan darjah sokan mereka.

Pasokan Pertama dan Kedua Gurkha Rifles telah juga memohon kebenaran untuk menggunakan gelanggang itu kerana latehan2 sokan dan perlawanan sokan mereka yang akan berlangsung pada bulan hadapan.

## Jalani kursus chawangan khas di-Kuala Kubu

BANDAR BRUNEI. — Inspektor Fung Kiat Kong dari Pulis Di-Raja Brunei telah berlepas dari Brunei menuju ka-Malaysia Barat pada minggu lalu untuk menjalani kursus chawangan khas sa-lama tiga bulan di-Sekolah Latehan Pulis, Kuala Kubu Bahru, di-Kuala Lumpur.

Inspektor Fung telah memasuki pasokan pulis dalam tahun 1961.

Pada tahun itu juga, dia telah di-hantar ka-Singapura untuk di-lateh sa-bagai inspektor dalam latehan di-Sekolah Latehan Pulis di-republik itu.

## Sepak Raga sekolah2 Melayu: 5 pasokan bagi perlawanan peringkat negeri

BANDAR BRUNEI — Enam pasokan dari lima buah sekolah Melayu dalam daerah Brunei/Muara berjaya memasuki pertandingan Sepak Raga seluruh negara bagi sekolah2 Melayu, yang akan di-adakan tidak lama lagi.

Pasokan2 itu terdiri dari Sekolah Melayu Pusuar Ulak, Brunei Satu, dua pasokan, Sekolah Melayu Buntan dan Sekolah Melayu Dato Marsal, masing satu pasokan, dan Sekolah Melayu Dato Gandi, Brunei tiga, dua pasokan.

Pertandingan Sepak Raga peringkat daerah telah berakhir pada minggu lalu di-gelanggang Pusuar Ulak.

Sa-banyak 40 pasokan dari 27 buah sekolah Melayu dalam daerah Brunei/Muara telah mengambil bahagian.

Di-daerah Temburong, pertandingan itu telah juga tamat dengan pasokan Sekolah Melayu Sultan Hassan dan pasokan Sekolah Melayu Belais munchol sa-bagai wakil daerah dalam pertandingan Sepak Raga seluruh negeri yang akan di-adakan kelak.

## PLATOON HELIKOPTER AMDB TUNJOKAN CHARA2 MENYELAMAT

BERAKAS — Platoon Helikopter Askar Melayu Di-Raja Brunei telah memperlihatkan chara2 gerakan menyelamat di-jalankan di-Perkhemhan Berakas pada hari Rabu lepas.

Sa-orang anggota pesawat helikopter yang sedang bergayut di-hujung kawat winch dari sa-buah helikopter Wessex telah menimbulkan sa'at yang menchemaskan ketika ia menyambar sa-orang mangsa sa-buah patong yang merupakan sa-orang mangsa dari bumi dan menarekan-nya ka-tempat yang selamat dalam helikopter yang sedang berpusing2 itu.

pada sa-tiap masa untuk menjalankan tugas2 biasa serta panggilan2 chemas.

Dalam bulan lalu, platoon tersebut berjaya menyelamatkan empat orang nelayan Malaysia dari mati lemas di-laut dekat pantai Berakas, sa-telah moto bot mereka tenggelam semasa berlaku-nya angin ribut yang kenchang.

### BERSIAP SEDIA

Gerakan itu memerlukan tindakan yang sa-laras di-antara juruterbang dengan petugas winch dan penentuan masa sakelip mata oleh anggota helikopter dalam usaha menyambar mangsa tersebut.

Letnan Kolonel H. F. Burrows, pegawai pemerintah Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei berkata, platoon helikopter ada-lah bersiap sedia

## AWANG JIAN: KETUA KAMPONG BUKIT UDAL

TUTONG. — Penduduk2 di-Kampung Bukit Udal telah melantek sa-chara rasmi Awg. Jian bin Runtop untuk memenohi jawatan kosong ketua kampung dalam satu pemilihan pada minggu lalu.

Terdahulu dari itu, orang2 kampung tersebut telah menchalonkan Awg. Jian dan Awg. Perak bin Nayud untuk meng-

gantikan tempat ketua lama kampung itu yang telah meninggal dunia pada tahun lalu.


Pegawai daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohamed Salleh yang mempengerusikan pemilihan yang telah di-adakan di-balai raya kampung tersebut berkata, sa-ramai 120 orang kampung

telah hadir untuk menjalankan pemilihan.

60 orang mengundi Awang Jian dan 44 mengundi Awang Perak, 15 undi di-dapati rosak dan sa-orang tidak mengundi.

Pengiran Othman berkata, nama Awang Jian bin Runtop akan di-kemukakan kapada kerajaan untuk di-sahkan sa-bagai sa-orang ketua kampung.

## SITUYU MINGGU INI



## ISTIADAT 'AKAD NIKAH PERKAHWINAN DI-RAJA

BANDAR BRUNEI—Istiadat 'Akad Nikah Di-Raja bagi perkahwinan di-antara Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Nor'ain dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Mohamad Yusof telah selamat di-langsungkan di-rumah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha.

Istiadat Mengakad Nikah Di-Raja telah di-jalankan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibbul Bandar dan sa-jurus kemudian kedengaran tembakan meriam sebanyak 9 das yang menandakan istiadat itu telah selamat sempurna di-laksanakan.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan telah berangkat ka-Istiadat 'Akad Nikah itu dengan di-iringi oleh pembesar2 negara

Yang Amat Mulia Pengiran Anak Mohamad Yusof berangkat ka-majlis bersaingan dengan ayahanda-nya Yang Ter-

amat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha dan di-iringi oleh pegawai2 yang membawa Alat Kebesaran Di-Raja ia-itu 8 tombak, 8 pedang dan 20 sinipit.

Kemudian, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Mohamad Yusof dudok di-atas "Kasor Namat" yang di-keilingi oleh dian empat batang yang sedia terpasang yang di-hadapi oleh empat orang Awang2 yang berpakaian istiadat.

Istiadat itu telah di-hadiri oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Mohamad, Bolkia, Y.A.B. Pemangku Menteri Besar, Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang F. D. Webber, Pembesar2 Negara, Pengiran2 dan para jemputan.

Do'a selamat di-bachakan oleh Sahibol Fadzilah, Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz, Mufti Kerajaan Brunei.



Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibol Bandar sedang menjalankan 'Akad Nikah Di-Raja ka-atas Yang Amat Mulia Pengiran Anak Mohamad Yusof.



Yang Amat Mulia Pengiran Anak Mohamad Yusof sedang menandatangani surat nikah dalam istiadat 'Akad Nikah Di-Raja.

## Kelengkapan Ibu Pejabat DBP dan Penyiaran dan Penerangan

(Dari muka 1)

lukis dan lain-nya bagi kaki tangan pejabat.

Satu keistimewaan yang terdapat di-bangunan itu ia-lah ada-nya sa-buah lukisan dinding yang besar, yang di-chipta oleh sa-orang pelukis tempatan. Ia-nya melambangkan kesenian, kebudayaan, pelajaran, pelipuran dan perusahaan negeri Brunei.

Kedua2 buah bangunan itu lengkap berhawa dingin.

Sementara itu, baru2 ini, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Yang Berhormat Dato Paduka Haji Awang Mohamed Jamil bin Pehin Udana Khatib Haji Umar berkata, Dewan Bahasa di-benarkan untuk membayar naskah2 tulisan yang di-terima untuk penerbitan.

Ketika menjelaskan demikian dalam minggu lalu, pengarah itu berkata, jumlah wang yang di-bayar bagi tulisan2 itu ada-lah bergantung kepada perkara2 yang di-tulis dan nilai kesusasteraan-nya.

Tulisan yang di-terima untuk penerbitan oleh Dewan Bahasa biasa-nya akan terbit dalam Beriga, sa-buah majallah yang di-terbitkan tiga bulan sekali

oleh Dewan Bahasa yang mula2 sekali munchol dalam bulan Jun lalu.

Dewan Bahasa menerbitkan juga Bahana, sa-buah lagi majallah tiga bulan sekali dalam bahasa Melayu.

Dato Paduka Awang Jamil menambakkata, bahawa beliau mengalu2kan terutama sekali tulisan2 dan makalah2 yang mengupas aspek2 pembangunan 'am negeri Brunei sa-chara saintifik.

Tulisan itu boleh di-tulis dalam sa-barang bahasa.

## Serba sedikit mengenai mempela Di-Raja

(Dari muka 5)

semakin subur dan hidup dengan indah-nya di-antara perkembangan lain2 kebudayaan di-dalam taman masharakat yang luas dan lapang".

Demikian Sekapor Sireh dari penyusun dua buah buku ranchangan Perkahwinan Di-Raja, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kamaluddin.

Penutup renchana ini, maka kita petik empat rangkap pantun dalam salah sa-buah buku ranchangan itu yang berbunyi:

*Sinamaki di-jalan raya  
Hampir sedikit ka-pokok pinang  
Chinta murni ikatan saudara  
Hasrat di-hati hendak meminang*

*Hampir sedikit ka-pokok pinang  
Di-lindongi oleh daun keladi  
Hasrat di-hati hendak meminang  
Terus di-adakan majlis bersarang gundi*

*Di-lingkongi oleh daun keladi  
Berhampiran dengan si-batu takat  
Sa-telah sudah bersarang gundi  
Kedua pehak telah sepakat*

*Berhampiran dengan si-batu takat  
Di-usai oleh Pengiran Ratu  
Kedua pehak telah sepakat  
Majlis istiadat di-atqr tentu.*

## Ahli2 AMDB jalani latehan

BANDAR BRUNEI. — Sa-kupulan lapan orang askar biasa Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei telah berlepas ka-Singapura pada minggu lalu untuk menjalani satu kursus dalam bidang kejuruteraan laut.

Mereka akan berada di-Singapura sa-lama enam minggu.

Sementara itu sa-kumpulan 22 orang pegawai rendah yang tidak bertauliah dari pasokan itu yang telah pergi ka-Singapura lebeh dulu telah pulang ka-tanah ayer pada hari Sabtu lepas sa-telah menamatkan satu kursus sa-rupa itu.

Mereka terdiri dari askar2 bahagian laut pasokan tersebut yang bertugas menguruskan satu angkatan kapal2 ronda.

## SEMINAR KESIHATAN

(Dari muka 1)

han2 mengenai kesihatan, mengawal penyakit2 berjangkit, kebersehan gigi, penyakit batok kering usaha menghapuskan penyakit malaria dan penerangan2 telah di-berikan oleh doktor2 darj jabatan perubatan. Sharahan2 sa-rupa itu akan di-sampaikan nanti apabila seminar sa-umpama itu di-adakan kelak di-sekolah2 Melayu yang lain-nya bagi guru2 dari Temburong, Tutong dan Belait.

## Pelonggaran syarat2 penahanan

BANDAR BRUNE — Pesuruhjaya Pulis Brunei telah mengumumkan mengenai pelonggaran sa-lama dua hari ka-atas perintah Pengantangan Syarat2 Penahanan.

Semua tahanan yang di-sharatkan supaya mesti berada di-rumah atau kampung masing2 ada-lah di-bebaskan keluar dari rumah atau kampung masing2 di-seluruh negeri pada 18 dan 19 Ogos, 1967 asalkan mereka mesti balek ka-rumah atau kampung masing2 pada malam kedua2 hari tersebut.